

05/03/2004

Cryptonics hulur tajaan RM4,000

KUALA LUMPUR: Pertandingan memancing GP Joran 2003/04 pusingan kelima di Teluk Batik, Perak anjuran Berita Harian Sdn Bhd esok dan Ahad ini makin meriah apabila Cryptonics Media Communications Sdn Bhd (Cryptonics), menaja barangan elektrik dan alat penjagaan kesihatan bernilai RM4,000.

Antara barangan elektrik yang disumbang Cryptonics ialah televisyen, radio, pemain cakera padat video, pembakar roti, pembakar sandwich, pemanas air elektrik, pembersih hampagas (vacum) dan kipas angin.

Sumbangan disampaikan Pengarah Urusannya, Reza Ismail Rautin kepada Pengarang Eksekutif (Projek Khas)/Pengarang Berita Minggu, Hafifi Hafidz, di sini semalam. Turut hadir Penasihat Cryptonics, Mahathir Abdul Aziz.

Reza berkata, penajaan kali pertama syarikatnya kepada Berita Harian bagi menjayakan GP Joran diharap dapat membuka jalan kepada hubungan lebih erat kedua-dua syarikat.

"Ini adalah kali pertama Cryptonics menaja pertandingan memancing GP Joran. Saya harap penajaan ini akan menjadi perintis kepada hubungan lebih erat antara kedua-dua syarikat.

"Malah saya yakin, barangan elektrik yang kami sediakan akan dapat memeriahkan lagi pertandingan itu.

"Masyarakat semakin prihatin bahawa kegiatan riadah sangat bermanfaat. Saya yakin pertandingan ini akan mendapat sambutan sekali gus mempertingkatkan industri pelancongan domestik," katanya.

Cryptonics ialah syarikat milik bumiputera yang menyediakan perkhidmatan khidmat pesanan ringkas (SMS) menggunakan jenama Mobile Gee. Syarikat itu juga bertanggungjawab mengendalikan undian melalui SMS bagi Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2003 (ABP2003).

Pertandingan memancing GP Joran 2003/04 menyediakan hadiah wang tunai keseluruhan RM28,200. Juara Kategori Laut Dalam akan membawa pulang RM8,000, kedua RM4,000 dan ketiga RM2,000. Bagi Kategori Pantai, juara akan membawa pulang RM6,000, kedua RM3,000 dan ketiga RM1,000. Pemenang keempat hingga ke-10 bagi kedua-dua kategori pula menerima RM300 dan pelbagai hadiah iringan.

Pendaftaran bagi Kategori Laut sudah ditutup manakala Kategori Pantai dibuka hingga hari pertandingan. Pertanyaan hubungi Unit Joran melalui talian 03-22822323 sambungan 4471.